

Dadah bernilai RM174.8j dirampas

23 September 2019



■ NEW DELHI 23 SEPT.

PENGAWAL pantai India menahan enam lelaki warga Myanmar dan merampas dadah jenis ketamin bernilai AS\$42 juta (RM174.8 juta) selepas mengesan sebuah kapal mencurigakan di Lautan Hindi berhampiran Kepulauan Nicobar.

Menurut laporan *Arab News*, Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan memaklumkan, dadah seberat 1,160 kilogram itu dirampas selepas pesawat pengawal pantai mengesan kapal tersebut dalam keadaan lampunya dimatikan, di Zon Eksklusif Ekonomi India pada Rabu lalu.

Anak kapal tidak memberi

sebarang maklum balas terhadap panggilan radio menyebabkan pasukan pengawal pantai menyerbu kapal tersebut dan menemukan 57 bahan bungkusan yang mencurigakan pada Jumaat lalu.

“Siasatan awal mendedahkan bahan mencurigakan itu adalah dadah jenis ketamin dan terdapat 1,160 paket, setiap satu seberat satu kilogram dalam kapal tersebut,” jelas kenyataan itu.

Menurut kenyataan tersebut, enam lelaki warga Myanmar dan kapal kargo dibawa ke Pelabuhan Blair, ibu kota Kepulauan Andaman dan Nicobar, untuk siasatan lanjut.

Tambah kenyataan itu, lelaki yang ditahan mendakwa mere-

ka berlepas dari Myanmar pada 14 September lalu dan dijangka bertemu dengan bot lain yang beroperasi berhampiran garisan sempadan maritim Thailand-Malaysia.

Kepulauan Nicobar terletak berhampiran Asia Tenggara, di luar pantai Myanmar.

Sebahagian Myanmar, Laos dan Thailand berada di dalam zon ‘Golden Triangle’, iaitu rantau pengeluar dadah kedua terbesar di dunia selepas Amerika Latin.

Kebanyakan dadah seperti heroin dan methamphetamine dipindahkan keluar dari makmal haram di kawasan hutan setiap tahun dan diseludup ke seluruh Asia dan negara-negara lain.